

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR.**  
**HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Sempena

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM  
PERSEFAHAMAN**  
antara  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA( UiTM)**  
dengan  
**CGS-CIMB SECURITIES SDN. BHD.**  
dan  
**SECURITIES INDUSTRY DEVELOPMENT  
CORPORATION (SIDC)**

**9 MAC 2023 | KHAMIS**  
**ARAS 7 BANGUNAN CANSELORI TUANKU SYED**  
**SIRAJUDDIN, UiTM**

**Terima kasih saudara pengacara majlis;**  
**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Saunah Zainon**  
Rektor UiTM Cawangan Johor

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Akmal Aini Othman**  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik  
UiTM Cawangan Johor

**Yang Berusaha Puan Ruzi Rani Ajith**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
CGS-CIMB Securities Sdn.Bhd

**Yang Mulia Tengku Zarina Tengku Chik**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Securities Industry Development Corporation (SIDC)

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Firdaus Abdullah**  
Dekan Fakulti Pengurusan Perniagaan

**Timbalan-timbalan Rektor, Ketua Pusat Pengajian,  
Koordinator-Koordinator, Pegawai -Pegawai dari  
CGS CIMB dan SIDC**

Serta;

**Para hadirin sekalian.**

**[SALUTASI: KEMASKINI BERDASARKAN  
KEHADIRAN]**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera.**

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam majlis menandatangani Memorandum Persefahaman di antara UiTM dengan dua syarikat yang terkemuka dalam bidang pasaran wang dan modal di Malaysia pada hari ini.

2. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan selamat datang dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian **CGS-CIMB Securities Sdn. Bhd.** dan **Securities Industry Development Corporation (SIDC)** menjalinkan kerjasama dengan UiTM.
3. Untuk makluman para hadirin, kedua-dua syarikat ini merupakan syarikat yang terkemuka dan berpengalaman luas khususnya di dalam bidang pasaran wang dan modal di Malaysia sama ada dari segi *Regulatory* ataupun *Operation*.
4. Ke arah menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia, sudah pasti kami amat menghargai komitmen yang diberikan oleh pihak industri dalam melahirkan graduan yang mempunyai kepakaran yang holistik selari dengan keperluan industri.

**Para hadirin yang dihormati,**

5. Saya di fahamkan kolaborasi bersama CGS-CIMB Securities, ini adalah pembaharuan MoU bagi kali yang ke-4. CGS-CIMB telah bersama-sama UiTM semenjak 2016 lagi dalam membantu membangunkan Pusat

Simulasi Saham di UiTM Johor yang di namakan CGS-CIMB *Trading Room*. Kini, CGS-CIMB *Trading Room* di UiTM Puncak Alam pula telah dibangunkan kesinambungan dari kejayaan yang diperolehi dari pembangunannya di UiTM Johor.

6. Diakui bahawa, pihak CGS-CIMB banyak membantu dalam proses “Graduate Employability” (GE). Dengan latihan secara *hands-on* melalui Pusat Simulasi Saham ini, pelajar dibantu untuk mempunyai *skills set* yang baik. Selain itu CGS-CIMB banyak bekerjasama dan memberikan peluang kepada pelajar UiTM dalam meningkatkan ilmu dan kepakaran.
7. Antaranya, program ‘Financial Literacy’ kerjasama antara CGS-CIMB, UiTM Johor dan ‘Ibupreneur Malaysia’, serta kerjasama dalam menjalankan ‘Program SULAM Komuniti Bijak Pelaburan’. Kedua-dua program ini merupakan kerjasama antara universiti dan industri dalam membantu masyarakat.
8. Bagi pihak UiTM juga saya mengucapkan terima kasih kerana pihak CGS-CIMB menaja kos perjalanan

pelajar yang terlibat dengan ‘CGS-CIMB Regional Shariah Investing Symposium’ yang di adakan di Fair Mont Hotel, Singapura tahun lalu.

**Para hadirin sekalian,**

9. Komitmen dan sumbangan daripada SIDC juga sangat banyak kepada UiTM. Ini merupakan pembaharuan MoU dengan SIDC bagi kali yang ke-2 . Pihak SIDC juga telah membantu UiTM meningkatkan “**value added**” pelajar dengan membantu pelajar untuk mengambil peperiksaan ‘**Dealing in Securities**’.

10. Melalui kolaborasi ini juga, pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan ini akan di kembalikan yuran peperiksaan sebanyak 50% iaitu RM 400 oleh pihak SIDC. SIDC juga telah banyak menyediakan pelbagai kursus dan latihan bagi pelajar-pelajar bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar. Ini merupakan peluang yang baik kepada para pelajar UiTM sebagai nilai tambah dan persediaan untuk menghadapi persaingan dalam bidang pekerjaan.

11. Saya amat berharap, lebih banyak program akademik, seminar dan latihan akan dapat dirancang dan dilaksanakan untuk manfaat kedua-dua pihak dan juga masyarakat keseluruhan. Pihak UiTM sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama dan komitmen bagi memartabatkan ilmu berkaitan pasaran wang dan modal di Malaysia.

8. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Ruzi Rani Ajith dari CGS-CIMB Securities dan Yang Mulia Tengku Zarina dari SIDC serta semua yang telah menyempurnakan majlis ini. Sama-sama kita doa agar hubungan strategik ini mendapat rahmat daripada Allah SWT. Amin.

**Sekian,**

**Wabillahitaufiq Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**